



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**20 JUN 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **163 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **67,541 kes**. Dua (2) kes kematian direkodkan hari ini iaitu satu (1) di daerah Sandakan dan satu (1) kes di Semporna. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 241 menjadikan jumlah kumulatif 64,973 orang. Seramai 1,687 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 474 orang di hospital, 1,211 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala dua (2) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 71 orang dan 24 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Keningau bertukar dari zon jingga ke zon merah

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 19 daerah
- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Kuning enam (6) daerah
- Zon Hijau satu (1) daerah

## Analisa Kes COVID-19 di Sabah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan penurunan sebanyak 38 kes iaitu daripada 201 kes semalam (19 Jun 2021) kepada 163 kes (20 Jun 2021).
- ii Daripada 163 kes jangkitan baharu hari ini, 95 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 37 kes adalah daripada saringan kluster, 13 kes adalah daripada saringan bergejala, 13 kes daripada saringan bersasar dan lima (5) kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii 12 daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. 10 daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka, manakala dua (2) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Sandakan (-24) dan Kudat (-23).
- iv Walau bagaimanapun, enam (6) daerah mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan lima (5) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala satu (1) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Tawau 37 kes (+33). Tiga (3) daerah lain yang mencatatkan kes baharu pada hari ini iaitu Kunak (22 kes), Semporna tiga (3) kes dan Kota Marudu dua (2) kes kekal sebagaimana jumlah kes kelmarin.
- v Pada hari ini, 12 daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Telupid, Tongod, Pitas, Kota Belud, Ranau, Putatan, Kuala Penyu, Sipitang, Tenom, Nabawan dan Tambunan.
- vi Ringkasan data keseluruhan pada hari ini ialah, cuma enam (6) daerah mencatatkan kenaikan kes, (12) daerah mencatatkan penurunan kes, sembilan (9) daerah kekal sebagaimana catatan hari semalam (enam (6) daerah kekal sifar (0) kes), (12) daerah mencatatkan sifar (0) kes, satu (1) daerah kekal sebagai Zon Hijau (Beluran), dua (2) kluster baru direkodkan iaitu Kluster Jalan Bundusan dan Kluster Kampung Nelayan Tengah, dan tiga (3) kluster merekodkan catatan kes yang agak aktif iaitu Kluster Pintas-Lingkudau (17 kes), Kluster Jalan Bundusan lapan (8) kes serta Kluster Coral empat (4) kes.

- vii Pelandaian kes baharu hanya akan berlaku sekiranya kes terus menurun namun, dengan jumlah catatan sebanyak 95 kes daripada Saringan Kontak Rapat, perubahan angka yang tidak statik serta hanya satu (1) daerah Zon Hijau, dapat disimpulkan terdapat kebarangkalian tinggi bahawa masih berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.
- viii Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Terdapat dua (2) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Jalan Bundusan - Penampang** melibatkan para pekerja di kilang pemprosesan makanan di Penampang. Kes indeks merupakan pekerja lelaki, 43, yang dikesan positif ujian PCR COVID-19 pada 19 Jun 2021 melalui saringan bersasar di PKPD Taman Puri Warisan, Kota Kinabalu namun tidak menunjukkan sebarang gejala. Berikutan kes itu, majikan melaksanakan saringan RTK di tempat kerja dan mendapati lapan (8) lagi kes positif dalam kalangan kontak rapat menjadikan jumlah kumulatif kes positif bagi kluster ini ialah sembilan (9) kes. Aktiviti pengesanan kontak rapat, saringan dan penyiasatan punca penularan kluster masih giat dijalankan.
- ii **Kluster Kg Nelayan Tengah - Sandakan** berkait rapat dengan penganjuran majlis doa selamat pada 13 Jun 2021 di kampung terbabit. Kes indeks adalah wanita, 45, yang disahkan positif saringan RTK Antigen COVID-19 positif 100% di Klinik Mansor pada 16 Jun 2021, setelah mengalami gejala demam dan insomnia sejak 11 Jun 2021. Saringan terhadap 45 kontak rapat kemudiannya menemukan 24 lagi kes positif manakala 21 kontak masih lagi menunggu keputusan. Aktiviti pengesanan kontak rapat, saringan dan siasatan lanjut masih giat dijalankan.

7 Jumlah kapasiti katil 4,208 unit

- Hospital 722 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,066 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 40.09%.

## **B PKPD KAMPUNG SKIM PAMALAN, KENINGAU**

1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Skim Pamalan, Keningau.

2 KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes COVID-19 yang di lokaliti tersebut di mana 30 kes positif telah direkodkan dari 339 ujian saringan yang dijalankan dengan kadar positifiti 8.84%.

3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Skim Pamalan, Keningau berkuat kuasa 22 Jun sehingga 05 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

4 Pelaksanaan PKPD ini bagi menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut sekaligus memudahkan KKM menjalankan tindakan kawalan COVID-19 dengan cepat dan berkesan.

## **C PKPD DI KAMPUNG JAYA BARU, KUNAK**

1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi kes COVID-19 di Kampung Jaya Baru, Kunak.

2 KKM mengesahkan terdapat peningkatan ketara kes dalam tempoh yang singkat apabila sebanyak 20 kes positif telah direkodkan di lokaliti ini hasil daripada 83 ujian saringan.

- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Jaya Baru, Kunak bermula 22 Jun 2021 sehingga 05 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM membuat saringan secara bersasar ke atas penduduk terlibat seterusnya mengekang penularan COVID-19 ke komuniti lain.

#### **D PKPD DI TAMAN WIJAYA PARK, KOTA KINABALU**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi kes COVID-19 di Taman Wijaya Park, Kota Kinabalu.
- 2 Sehingga kini KKM telah melaksanakan 20 ujian saringan dan daripada jumlah itu, sebanyak 12 kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Wijaya Park, Kota Kinabalu bermula 22 Jun 2021 sehingga 05 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM membuat pengesanan awal kes-kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin dan seterusnya mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti lain.

#### **E PKPD DI KAMPUNG SERUDUNG BARU, TAWAU**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi kes COVID-19 di Kampung Serudung Baru, Tawau.
- 2 KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes dalam tempoh yang singkat apabila sebanyak 10 kes positif telah direkodkan di lokaliti ini hasil daripada 38 ujian saringan dengan kadar positifiti 26.32%.

- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Serudung Baru, Tawau, Sabah bermula 22 Jun 2021 sehingga 05 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan PKPD sekaligus memudahkan KKM membuat saringan secara bersasar ke atas penduduk terlibat dan mengekang penularan COVID-19 ke komuniti lain.

#### **F PKPD DI LADANG BRUMAS, KALABAKAN**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi kes COVID-19 di Ladang Brumas, Kalabakan.
- 2 KKM telah melaksanakan sebanyak 44 ujian saringan di lokaliti tersebut dan daripada jumlah itu, 9 daripadanya didapati positif COVID-19 dengan kadar positifiti 20.45%.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Ladang Brumas, Kalabakan bermula 22 Jun 2021 sehingga 05 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM membuat pengesanan awal kes-kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin dan seterusnya mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti lain.

#### **G PELANJUTAN PKPD KAMPUNG PULUTAN, NABAWAN**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Pulutan, Nabawan yang dijadualkan tamat pada 21 Jun 2021.
- 2 Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 245 ujian saringan dan 24 daripadanya disahkan positif COVID-19.

- 3 Sehingga kini, KKM mengesahkan masih terdapat penularan berterusan dikalangan penduduk di dalam kawasan PKPD serta masih terdapat jangkitan baharu yang direkodkan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKPD) di Kampung Pulutan, Nabawan berkuat kuasa 22 Jun sehingga 05 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

#### **H PENAMATAN PKPD KAMPUNG MURNI C, NABAWAN**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Murni C, Nabawan yang dijadualkan tamat pada 21 Jun 2021.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 502 ujian saringan di kawasan ini dan 37 kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 3 KKM juga mengesahkan kes aktif di lokaliti ini menunjukkan penurunan dan kluster adalah terkawal manakala kes terakhir yang direkodkan adalah pada 15 Jun 2021 iaitu empat (4) kes.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kampung Murni C, Nabawan pada 21 Jun 2021 (jam 11.59 minit malam) seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

#### **I PENAMATAN PKPD DUA (2) PERKAMPUNGAN DI KOTA BELUD**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) perkampungan di Kota Belud yang melibatkan:
  - Kampung Tamalang
  - Kampung Tugusonyang dijadualkan tamat pada 21 Jun 2021.



2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 186 ujian saringan di kedua-dua lokaliti ini dan  
sebanyak 22 kes positif COVID-19 telah direkodkan.

3 KKM juga mengesahkan kes aktif di lokaliti ini menunjukkan penurunan dan kluster adalah  
terkawal manakala kes terakhir yang direkodkan adalah pada 17 Jun 2021 iaitu lima (5)  
kes.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal  
PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKPD di dua  
(2) lokaliti yang dinyatakan pada 21 Jun 2021 (jam 11.59 minit malam) seperti yang  
dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

#### **J PENAMATAN PKPD KAMPUNG BERGOSONG, PULAU SEBATIK**

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan  
(PKPD) di Kampung Bergosong, Pulau Sebatik, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat  
pada 21 Jun 2021.

2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 50 ujian saringan di lokaliti ini dan sebanyak 12  
kes positif COVID-19 telah direkodkan.

3 KKM juga mengesahkan kes aktif di lokaliti ini menunjukkan penurunan dan kluster adalah  
terkawal manakala kesemua kes positif telah diasingkan dan dimasukkan ke PKRC dan  
kontak rapat diasingkan serta dipantau sehingga hari ke-14.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal  
PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kampung  
Bergosong, Pulau Sebatik, Tawau Sabah pada 21 Jun 2021 (jam 11.59 minit malam)  
seperti yang dijadualkan.

#### **K PENAMATAN PKPD APARTMENT TAMAN PERMATA, SANDAKAN**

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan  
(PKPD) di Apartment Taman Permata, Sandakan, Sabah yang dijadualkan tamat pada  
20 Jun 2021.

2 Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 742 ujian saringan dan 26 daripadanya disahkan positif COVID-19.

3 KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Apartment Taman Permata, Sandakan, Sabah pada 20 Jun 2021 (jam 11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

## **L PENAMATAN PKPD KAMPUNG ONGKILAN, KOTA MARUDU**

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Ongkilan, Kota Marudu yang dijadualkan tamat pada 21 Jun 2021.

2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 945 ujian saringan di lokaliti ini dan sebanyak 16 kes positif COVID-19 telah direkodkan.

3 KKM juga mengesahkan kes aktif di lokaliti ini menunjukkan penurunan dan kluster adalah terkawal manakala kesemua kes positif telah diasingkan dan dimasukkan ke PKRC dan kontak rapat diasingkan serta dipantau sehingga hari ke-14.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kampung Ongkilan, Kota Marudu, Sabah pada 21 Jun 2021 (jam 11.59 minit malam) seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

## **M STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

1 Setakat hari ini, **450** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **62,722** orang.

2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **84** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,530** orang.

- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **10,382** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **254,390** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **4,208** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **73,247** orang.

## **N BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **22,578** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **O LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 161 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 69,231 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 474 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 63 hebahan melalui kereta peronda dengan satu (1) tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 82 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - 26 orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
  - 17 orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan.
  - 15 orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - 12 orang : Membawa Penumpang Berlebihan
  - Empat (4) orang : Majikan Gagal Memastikan Kapasiti Kehadiran Pekerja
  - Enam (6) orang : Individu Gagal Menjaga Penjarakan Sosial
  - Dua (2) orang : Lain-lain kesalahan tidak tersenarai
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 93 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 19 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.

- 4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,176 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - ii Satu (1) kompaun dikeluarkan atas tidak memakai pelitup muka di kawasan awam. Kompaun dikeluarkan di daerah Kinabatangan.
  - iii Dua (2) kompaun dikeluarkan atas kesalahan individu gagal mendaftar masuk ke premis sama ada menggunakan aplikasi MySejahtera atau buku pendaftaran. Kompaun dikeluarkan di daerah Kinabatangan dan Sipitang.
  - iv Sebanyak enam (6) Notis dikeluarkan iaitu tiga (3) di Sipitang, satu (1) di Sandakan dan dua (2) di Pitas.
  - v Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 44 premis perniagaan dan 128 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 148 lokasi melibatkan seramai 162 anggota APM.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 74 anggota di 98 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 10 premis, melibatkan tujuh (7) buah daerah pada hari ini.
- 8 Sejumlah 196 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di sembilan (9) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 342 hebahan di seluruh Sabah.

**P KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP 3.0 pada hari ini ialah **94.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Beluran	95%
2	Tenom	95%
3	Sipitang	95%
4	Beaufort	95%
5	Kota Marudu	95%
6	Ranau	95%
7	Kinabatangan	95%
8	Semporna	94.5%
9	Sandakan	94.5%
10	Tawau	94.5%
11	Kota Belud	94.5%
12	Keningau	94.5%
13	Tuaran	94%
14	Lahad Datu	94%
15	Kota Kinabalu	94%
16	Penampang	94%
17	Kudat	94%
18	Kunak	94%
19	Papar	93.5%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#MenangBersama**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**